

07/04/2001

UIAM tuan rumah sidang FUIW

UNIVERSITI Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) akan menjadi tuan rumah bagi Persidangan Agung Kedua Kesatuan Universiti Negara Islam (FUIW) pada 17 hingga 19 April ini.

Persidangan itu diadakan bersempena perasmian Kampus UIAM Gombak, Kuala Lumpur pada 17 April oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Pusat Kegiatan Kesenian, UIAM.

Persidangan yang bakal dihadiri oleh kira-kira 130 wakil universiti dari seluruh dunia itu bakal menghimpunkan pentadbir utama seperti Canselor, Presiden atau Rektor yang sama taraf dengan Naib Canselor di negara ini.

Timbalan Rektor (Akademik) UIAM, Prof Madya Datuk Dr Jamil Osman, berkata persidangan berkenaan akan dilangsungkan di Hotel Legend, Kuala Lumpur.

Katanya, persidangan agung itu akan didahului dengan sesi Majlis Eksekutif FUIW yang bakal berlangsung pada 15 dan 16 April, di hotel yang sama.

Sementara itu, katanya, satu pameran mengenai peluang pengajian dan kepakaran universiti negara Islam sedunia akan diadakan di Hotel Legend sepanjang persidangan agung FUIW.

Pameran pendidikan negara Islam itu akan memberi maklumat secara percuma kepada orang ramai yang berminat untuk mengetahui mengenai program pengajian, yuran, kos sara hidup, kepakaran pensyarah dan maklumat lain daripada kakitangan universiti yang menghadiri persidangan FUIW.

(END)